

08 MAY 2002

Mahathir-Hukuman (Bergambar)

MALAYSIA TAK CAMPUR URUSAN UNDANG-UNDANG NEGARA LAIN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 8 Mei (Bernama) -- Malaysia tidak boleh mencampuri urusan undang-undang negara lain apabila ada rakyatnya dihukum kerana melanggar undang-undang negara berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata seperti juga Malaysia tidak suka negara lain mencampuri urusan undang-undangnya, negara lain juga tidak suka Malaysia mencampuri urusan pelaksanaan undang-undang mereka.

"Kita tak boleh kacau orang lain punya (undang-undang). Kalau kita jatuh hukuman mati kepada orang asing, kita tak suka orang asing suruh kerajaan mereka mendesak kita supaya jangan jatuh hukuman mati dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengambil apa-apa tindakan berhubung kes rakyat Malaysia, Taufik Abdul Halim, yang dijatuhi hukuman mati oleh sebuah mahkamah di Jakarta semalam setelah didapati bersalah memiliki bom dan cuba melakukan pengeboman di Plaza Atrium di Jakarta pada 1 Ogos tahun lepas.

Dr Mahathir, yang ditemui pemberita selepas meraikan rakan sejawatannya dari Lubnan Rafic Hariri pada jamuan tengah hari di Seri Perdana, berkata Taufik seperti sesiapa jua tertakluk kepada undang-undang di negara yang dia melakukan jenayah itu.

"Dia tertakluk kepada undang-undang. Macam juga kalau orang Indonesia datang sini...kalau dia bunuh orang, biasanya dihukum bunuh juga," katanya.

Dr Mahathir berkata setiap rakyat Malaysia perlu menghindari diri daripada terlibat dalam perbuatan yang melanggar undang-undang.

"Jadi bila terjadi pada rakyat kita, kita kena terimalah. Sebab itulah kena jaga-jaga...jangan pecah undang-undang negara lain," katanya.

-- BERNAMA

RV ZS MAI